

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3(75)
Tarikh : 5 Julai 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SKIM PERLINDUNGAN SOSIAL DI BAWAH PERKESO KEPADA KAKITANGAN AWAM BERTARAF SEMENTARA, KONTRAK DAN INTERIM DI JANM PERAK

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah mengeluarkan **Pekeliling Majikan No. 2 Tahun 2013** dan **Pekeliling Majikan No. 1 Tahun 2016** bagi memperjelaskan perluasan liputan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial kepada kakitangan awam bertaraf sementara dan kontrak yang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Sehubungan itu, bagi tujuan pelaksanaan caruman PERKESO ini, semua PTJ yang berkaitan seperti di **Lampiran A** yang mempunyai kakitangan bertaraf sementara, kontrak dan interim (Kod B34 dan B30 dalam Sistem Gaji Berkomputer) hendaklah mendaftar dengan PERKESO untuk mendapatkan kod majikan. Panduan pendaftaran sebagai majikan PERKESO dan pengemaskinian dalam Sistem Gaji Berkomputer adalah seperti di **Lampiran 1**. Tindakan ini hendaklah diambil mulai **perubahan gaji bulan Ogos 2019**.

4. Bagi PTJ di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui surat KPM, **no. rujukan: KPM.400-4/3/8(13) yang bertarikh 26 Jun 2019**, PERKESO telah menyatakan perkara seperti berikut:

- a) Kakitangan Bertaraf Guru yang kena daftar dan dicarum kepada PERKESO ialah Guru Lantikan Kontrak (*Contract of Service*) dan Guru Lantikan Interim. Guru Lantikan Interim telah ditakrifkan sebagai seorang "PEKERJA" di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 kerana lantikan mereka adalah di bawah suatu kontrak perkhidmatan.
- b) Kakitangan Bukan Bertaraf Guru yang kena daftar dan dicarumkan kepada PERKESO ialah Pegawai Lantikan Kontrak dan Pegawai Lantikan Sementara.

5. Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**